

12 MAR 2004

Pilihan raya-penamaan

SEJUMLAH 219 PUSAT PENAMAAN CALON DIBUKA SELURUH NEGARA ESOK

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Sebanyak 219 pusat penamaan calon dibuka di seluruh negara pagi esok untuk menerima pencalonan bagi pemilihan anggota Dewan Rakyat dan dewan undangan negeri dalam Pilihan Raya Umum ke-11 dijadualkan 21 Mac.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan tempoh sejam dari 9 hingga 10 pagi untuk menerima kertas pencalonan di pusat-pusat berkenaan yang meliputi dewan majlis daerah, bilik gerakan pejabat daerah, dewan sekolah, dewan serbaguna dan kompleks belia.

Di enam tempat, stadium akan digunakan.

Pegawai-pegawai pengurus pilihan raya akan mengumumkan nama calon-calon yang sah bertanding selepas tamat tempoh bantahan dari 10 hingga 11 pagi.

Sebanyak 219 kerusi parlimen dan 505 kerusi dewan undangan negeri menjadi rebutan, sebahagian besarnya dijangka menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon-calon Barisan Nasional (BN) dengan parti-parti pembangkang terutama dari PAS, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Sebanyak 10.3 juta pengundi akan memilih wakil yang akan berkhidmat untuk tempoh lima tahun.

Setiap calon kawasan Parlimen dikenakan wang deposit RM10,000 manakala calon kawasan Dewan Undangan Negeri RM5,000, yang perlu dibayar secara tunai semasa menyerahkan kertas penamaan calon.

Menurut SPR, kira-kira 5,000 kertas penamaan calon telah dijual di seluruh negara sejak hari pertama jualannya Ahad lepas.

Daripada jumlah itu, 3,500 kertas penamaan calon ialah bagi Dewan Undangan Negeri manakala 1,500 lagi bagi Parlimen.

Bilangan kerusi Parlimen yang dipertandingkan kali ini bertambah sebanyak 26 dari 193 yang menjadi rebutan pada Pilihan Raya Umum 1999.

Pertambahan itu berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang menghasilkan 25 kawasan baru manakala satu lagi kerusi tambahan

ialah bagi kawasan Putrajaya yang dibentuk pada 2001 ekoran penubuhan Wilayah Persekutuan berkenaan.

Putrajaya merupakan kawasan yang mempunyai jumlah pengundi paling kecil iaitu 5,079 manakala Selangor merupakan negeri yang mempunyai pengundi paling ramai iaitu 1.42 juta.

Sebanyak 505 kerusi dewan undangan negeri turut dipertandingkan di seluruh negara kecuali Sarawak yang telahpun mengadakan pilihan raya negeri pada 2001 bagi memilih 62 anggota dewan undangan negerinya.

Ketika Parlimen dibubarkan pada 4 Mac lepas, BN menguasai 152 kerusi manakala Pas mempunyai 26, DAP (10) dan Keadilan 5.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang pertama kali mengetuai BN dalam pilihan raya umum sejak mengambil-alih tampuk kepimpinan kerajaan dan parti daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas, akan mempertahankan kerusi Kepala Batas untuk penggal ketujuh.

Abdullah, yang mewakili Parlimen Kepala Batas sejak 1978, dijangka dicabar oleh calon Pas, peniaga Abd Khalid Rashid, 50.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Pekan di Pahang, juga dijangka dicabar oleh calon Pas.

Najib mula mewakili kawasan itu setelah menang tanpa bertanding dalam pilihan raya kecil pada Februari 1976 berikutan kematian bapanya, bekas Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein.

Kemenangan itu menjadikan beliau sebagai anggota Dewan Rakyat paling muda pada usia 23 tahun.

BN meneruskan tradisi memberi peluang kepada golongan muda sebagai pelapis yang bakal menerajui negara dengan meletakkan lebih 30 peratus muka baru pada pilihan raya umum kali ini -- yang pertama kali diadakan dalam alaf baru.

Awal bulan ini, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Bakri Omar berkata polis menyediakan tambahan sebanyak 8,637 anggota daripada Pasukan Gerak Am (PGA) dan Pasukan Sukarelawan bagi tujuan tersebut. Sebanyak 56,036

anggota polis

akan dikerahkan bertugas sepanjang tempoh tempoh pilihan raya ini.

Bagi pilihan raya ke-11 ini, setiap Kontinjen Polis di seluruh negara

telah dilengkapi dengan sistem pemantauan berkomputer C4I iaitu sistem

rujukan peta terperinci bagi Malaysia, yang berfungsi menunjukkan keadaan

geografi sesuatu tempat.

Melalui sistem itu polis dapat memantau dan merancang sebarang tindakan

yang perlu diambil pada pilihan raya umum ini. C4I bermaksud

Mengarah,

Mengawal, Komunikasi, Koordinasi dan Informasi.

Di Selangor, Datuk Fauzi Saari semasa dihubungi hari ini berkata 4,600

anggota dan pegawai polis Selangor termasuk bantuan dari Bukit Aman ditugaskan khas untuk menjaga perjalanan pilihan raya di sekitar Selangor.

"Selain anggota-anggota yang menjalankan tugas pengawasan di pusat

penamaan calon, kita juga menempatkan pasukan khas iaitu pasukan pencegahan

rusuhan kecil, yang dianggotai oleh tujuh anggota di setiap pusat penamaan

calon," katanya ketika dihubungi Bernama.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Md Lazim Ahmad pula berkata dia telah

mengadakan perbincangan dengan calon-calon parti UMNO dan PAS untuk memastikan tahap keselamatan dan hari penamaan calon berjalan lancar tanpa

gangguan daripada penyokong masing-masing.

"Saya sudah buat rancangan dengan para calon, supaya ada tempoh jurang

pemisah masa yang bertujuan mengelakkan pertembungan perarakan antara

penyokong para calon yang akan ke tempat penamaan calon, dan jalan-jalan

yang akan mereka lalui akan ditutup kepada kenderaan seawal pukul 8 pagi.

Tempoh satu setengah jam diperuntukkan kepada perarakan setiap parti,"

katanya semasa dihubungi di sini hari ini.

Katanya, untuk negeri Terengganu, seramai 2,800 anggota dan pegawai

polis ditugaskan untuk mengawal kelicinan dan kelancaran perjalanan hari

penamaan calon serta hari mengundi.

Ketua Polis Perak, Datuk Asari Mokthar pula semasa dihubungi berkata

anggota dan pegawai polis ditempatkan di setiap kawasan penamaan calon di

Perak bagi memastikan keselamatan disamping mengawasi lalu lintas bagi memastikan ia sentiasa terkawal, tanpa sebarang ancaman daripada mana-mana pihak.

"Saya berharap para petugas, semua calon dari parti berdaftar dan penyokong mereka akan memberi kerjasama kepada pihak polis dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya," katanya.

-- BERNAMA

CS NSM RV AZH